

Kod Etika Amil Zakat: Satu Cadangan

Azizi@Hamizi Hashim
Universiti Teknologi MARA
Jerantut, Pahang.

Ram Al Jaffri Saad, PhD
Pusat Pengajian Perakaunan
Universiti Utara Malaysia
Sintok, Kedah.
ram@uum.edu.my

Md Hairi Md Hussain
Pusat Pengajian Perakaunan
Universiti Utara Malaysia
Sintok, Kedah.
hairi@uum.edu.my

Abstrak - Institusi amil memainkan peranan penting dalam perkembangan sistem pentadbiran dan pengurusan zakat di negara kita. Malah, kejayaannya dalam meningkatkan jumlah kutipan dan melaksanakan urusan agihan zakat secara berkesan menjadi contoh kepada negara-negara Islam yang lain. Namun, tahap kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap institusi ini masih berada pada tahap yang rendah. Natiujahnya, masih terdapat masalah kebocoran zakat berlaku yang mana zakat sama ada dibayar terus kepada asnaf atau dibayar melalui saluran-saluran yang tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan mengenai amil dan mencadangkan mengenai keperluan dan kod etika untuk seorang amil.

Kata kunci; kod etika; amil

I. PENGENALAN

Institusi amil memainkan peranan penting dalam perkembangan sistem pentadbiran dan pengurusan zakat di Malaysia. Malah, kejayaannya dalam meningkatkan jumlah kutipan dan melaksanakan urusan agihan zakat secara berkesan menjadi contoh kepada negara-negara Islam yang lain. Namun, tahap kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap institusi ini masih berada pada tahap yang

rendah. Natiujahnya, masih terdapat masalah kebocoran zakat berlaku yang mana zakat sama ada dibayar terus kepada asnaf atau dibayar melalui saluran-saluran yang tidak diiktiraf oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri. Laporan zakat dan kajian-kajian terdahulu telah mengesahkan perkara ini. Umpamanya, terdapat hanya 35% sahaja pekerja Islam di negeri Kedah dan Perlis membayar zakat gaji. Bagi negeri-negeri di Malaysia, kadar pekerja Muslim yang mematuhi arahan pembayaran zakat gaji hanyalah berada pada tahap 40%-60%. Ini menunjukkan masih ramai pekerja Muslim tidak membayar zakat gaji kepada institusi zakat. Selain itu, kajian turut mendapati bahawa masih ramai peniaga di Kuala Terengganu tidak membayar zakat perniagaan. Sementara itu, Pengerusi Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Datuk Mustafa Abdul Rahman, mendedahkan bahawa hanya 27 peratus atau 1,062 daripada 3,954 buah syarikat yang layak mengeluarkan zakat di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan berbuat demikian pada tahun 2008.

Fenomena ini timbul disebabkan beberapa faktor. Satu daripadanya ialah disebabkan oleh nipisnya keyakinan masyarakat terhadap institusi amil. Kesangsian masyarakat timbul ekoran dakwaan institusi zakat tidak cekap dalam mengurustadbir wang zakat. Pendedahan media mengenai lebihan wang zakat yang tidak diagihkan sedangkan masih ramai fakir miskin wujud di negara kita telah menyumbang kepada tahap kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat. Masyarakat turut didedahkan dengan berita mengenai penyelewengan wang zakat yang berlaku dalam institusi zakat dan masalah laporan kewangan tahunan yang gagal di sediakan oleh institusi zakat. Keadaan ini telah mengakibatkan masyarakat melihat institusi zakat sebagai tidak telus. Amaran juga telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada institusi amil supaya masalah penyelewengan atau ketidakcekan pengurusan kutipan zakat yang boleh memberikan imej buruk kepada agensi kutipan dapat dielakkan. Kakitangan institusi zakat yang gagal melaksanakan amanah yang diberikan akan menerima hukuman setimpal supaya ia tidak menjadi virus dalam urusan zakat dan menjejaskan institusi zakat.

Masyarakat juga sering didedahkan dengan berita bahawa amil gagal melaksanakan tugas yang

diamanahkan dengan baik. Hal ini disebabkan oleh timbul dakwaan bahawa amil tidak berlaku adil dalam membuat banciaan terhadap orang-orang yang berhak menerima bantuan zakat. Amil dikatakan lebih memilih orang atau kumpulan di kalangan mereka sama ada saudara mara, rakan, sahabat, kenalan dan sebagainya tanpa mengambilkira mereka layak atau tidak untuk menerima bantuan tersebut. Akibatnya wujudlah amalan kronisme dalam pemberian wang zakat.

Pada masa sekarang, amalan pemberian bantuan zakat yang dipraktikkan oleh agensi zakat adalah berdasarkan borang yang disediakan. Masyarakat sekali lagi dikejutkan dengan pendedahan bahawa berlaku penyelewengan dalam pemberian borang tersebut. Malah, ada pihak yang cuba mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan dengan menjual borang-borang permohonan zakat kepada fakir dan miskin di negeri Kedah yang menyebabkan Pengerusi Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah pada waktu itu, iaitu Datuk Ismail Shafie mengambil tindakan segera bagi menangani masalah tersebut. Masalah ini tidak sepatutnya berlaku. Pemberian borang zakat wajar diberikan kepada sesiapa sahaja yang ingin memohon tanpa mengambil kira sama ada mereka dari kumpulan yang disukai oleh amil atau sebaliknya.

Isu promosi melalui pengiklanan sama ada melalui media elektronik mahupun media massa turut mengoncang kepercayaan masyarakat. Sejak penubuhan pusat-pusat urus zakat, aktiviti pengiklanan begitu rancak dijalankan. Maka tidak hairanlah jika kita dipaparkan dengan papan iklan ataupun melalui radio dan televisyen yang berlumba-lumba untuk mengajak masyarakat membayar zakat kepada institusi mereka. Keadaan ini mampu menimbulkan kesan positif dan negatif kepada masyarakat. Dari sudut positifnya, wujud satu persaingan sihat di kalangan institusi yang akhirnya dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab berzakat. Manakala dari sudut negatifnya muncul persaingan yang tidak sihat terutama dalam usaha menarik ramai pembayar zakat supaya sesebuah institusi berjaya mengumpul dana zakat tertinggi bagi sesuatu tempoh. Perkara ini akhirnya menyebabkan masyarakat melihat fungsi dan peranan sebenar institusi zakat lebih mirip kepada badan korporat yang berorientasikan keuntungan dan menghasilkan

kekayaan (dalam bentuk material) kepada pemegang saham.

Isu-isu yang dikemukakan di atas telah menampak satu kelompangan dalam nilai dan etika yang sebenar yang wajib diamalkan oleh institusi dan juga amil-amil zakat. Satu bentuk peraturan atau kod etika wajar diperkenalkan bagi memudahkan pengurusan amil dilaksanakan. Dengan wujudnya kod etika amil, setiap amil atau kakitangan zakat boleh melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya berdasarkan garis panduan yang ditetapkan. Justeru, kertas kerja ini cuba mengemukakan satu cadangan kepada pihak berkuasa zakat sama ada di peringkat negeri ataupun persekutuan bagi mempertingkatkan lagi profesionalisme amil zakat di negara kita. Cadangan ini adalah berkaitan mewujudkan kod etika amil, iaitu sebuah panduan perilaku yang harus diamal dan dijiwai oleh setiap amil atau kakitangan zakat. Dengan wujudnya kod etika ini maka setiap individu dan institusi akan lebih terbimbing supaya mempraktikkan tingkah laku yang baik dan sejajar dengan tugas yang diamanahkan oleh masyarakat.

II. AMIL DAN SEJARAH PERKEMBANGANNYA

Di dalam Al-Quran surah At-Taubah ayat 60, Allah SWT berfirman:

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِيِّينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاتِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَنَمِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ قَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Maksudnya “*Sesungguhnya zakat-zakat itu adalah hanya untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat (amil), para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk mereka yang sedang dalam perjalanan, sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui Lagi Maha Bijaksana*”.

Ayat di atas dengan jelas menunjukkan bahawa amil merupakan satu daripada golongan asnaf yang mempunyai hak ke atas harta zakat. Siapakah amil? Amil adalah pelaksana segala urusan berkaitan zakat [1]. Ianya meliputi urusan mengira, mengutip,

menyimpan, menjaga, mengawal, merekod, menyelenggara, membanci dan membahagikan wang zakat kepada asnaf yang layak. Perkataan golongan membawa maksud bahawa amil tidak secara khususnya merujuk kepada individu semata-mata [1]. Malah definisi amil juga meliputi sebuah organisasi atau institusi yang dibentuk bagi tujuan mengelola zakat seperti baitul mal dan pusat urus zakat.

Sejarah profesion amil telah termaktub sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Rasulullah SAW pernah melantik Umar Ibnul-Lutbiah sebagai amil bagi memungut zakat. Pelantikan tersebut dibuat bagi memastikan golongan yang wajib membayar zakat berbuat demikian. Selain Umar, baginda juga pernah mengarahkan Ali bin Abi Thalib ke Yaman untuk mengurus urusan zakat. Dalam riwayat yang lain pula, baginda juga pernah mengutus Muadz bin Jabal ke Yaman bagi menjalankan tanggungjawab berdakwah dan menjalankan tugas khas sebagai amil zakat. Sistem pentadbiran ini diteruskan pada zaman pemerintahan khalifah.

Di Malaysia, sistem zakat telah wujud sejak zaman awal Islam lagi. Pada waktu itu, pembayaran zakat dibuat kepada tok-tok guru agama di kampung masing-masing yang memainkan peranan sebagai amil. Tok-tok guru ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengagihkan zakat yang dipungut terus kepada asnaf. Kebiasaannya, wang zakat tersebut akan diagihkan kepada fakir miskin yang terdapat di sekitar kampung masing-masing. Bayaran zakat pada masa tersebut kebanyakannya melibatkan pembayaran zakat padi [2].

Sejak itu, sistem zakat berkembang setahap demi setahap sejajar dengan peningkatan kefahaman dan kesedaran masyarakat. Dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 74(1)(2) memperuntukkan kuasa Parlimen dan Badan Perundangan Negeri untuk menggubal undang-undang berkenaan perkara-perkara yang diletakkan di bawah Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan berkaitan agama Islam. Butiran (1) Senarai Kedua, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa perkara berkaitan zakat terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Berdasarkan peruntukan yang diberikan tersebut, setiap negeri bebas membentuk struktur pentadbiran hal ehwal Islam termasuk pentadbiran zakat mengikut kesesuaian masing-masing.

Secara umumnya, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) telah ditubuhkan di setiap negeri bagi mengendalikan urusan berkaitan agama Islam. Antara tanggungjawab MAIN ialah menguruskan pentadbiran zakat dan menguatkuasakan peraturan-peraturan tertentu bagi pihak Sultan (iaitu bagi negeri-negeri yang mempunyai Raja atau Sultan) dan bagi pihak Yang di-Pertuan Agong (iaitu bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja atau Sultan). Di bawah MAIN, terdapat sebuah jabatan yang diamanahkan untuk menjalankan semua arahan dan dasar yang telah ditetapkan. Jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Bagi kebanyakan negeri, tugas MAIN (termasuklah dalam urusan pentadbiran zakat) akan dilaksanakan oleh JAIN. Di bawah JAIN pula ditubuhkan satu unit khas iaitu Baitul Mal. Fungsi utama unit ini ialah mentadbir dan mengurus segala perkara berkaitan zakat.

Pada masa sekarang, terdapat juga negeri-negeri yang telah menswastakan unit baitul mal dengan menubuhkan pusat-pusat urus zakat (PUZ) di negeri masing-masing. Tujuannya ialah bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran zakat dilaksanakan secara lebih profesional dan berkesan. Antara PUZ yang ditubuhkan di negeri-negeri ialah Pusat Urus Zakat (PUZ) Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Pusat Kutipan Zakat Pahang (PKZP) Majlis Agama Islam Pahang dan lain-lain lagi. Bagi negeri Selangor pula, tugas dan tanggungjawab ini terletak di bawah pentadbiran Lembaga Zakat Selangor (LZS) di bawah Majlis Agama Islam Negeri Selangor (MAIS).

Bagi setiap PPZ atau PUZ yang ditubuhkan, amil-amil telah dilantik sama ada di ibu pejabat atau di daerah-daerah tertentu. Pelantikan amil di setiap daerah adalah bertujuan untuk memudahkan proses kutipan zakat selain ditugaskan untuk mengenal pasti asnaf-asnaf yang layak untuk menerima wang zakat. Kebanyakan PPZ yang ditubuhkan hanyalah bertujuan untuk mengutip dana zakat manakala urusan agihan masih dilaksanakan oleh MAIN.

III. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AMIL

Di Malaysia, amil atau pengurus atau kakitangan zakat ialah individu yang dilantik oleh Sultan atau Raja atau pemerintah bagi menjalankan urusan

berkaitan zakat. Mereka merupakan individu yang diberikan amanah dan tanggungjawab yang besar dalam sistem pentadbiran zakat. Kebolehan dan kecekapan amil dalam melaksanakan tugas dan kerjanya mungkin dapat menjamin keberkesanan pelaksanaan sistem zakat di negara kita. Hal ini adalah kerana amil menggalas dua tugas utama, iaitu mengutip zakat daripada pembayar zakat dan mengagih dana tersebut kepada asnaf yang layak. Tugas ini bukanlah suatu perkara mudah kerana ia menuntut komitmen dan kesungguhan daripada amil dalam memastikan tanggungjawab tersebut dapat dilaksanakan dengan sempurna. Peningkatan kutipan dan keberkesanan dalam agihan zakat dapat membantu pembangunan sosio ekonomi ummah.

Peranan amil dalam soal agihan zakat adalah sangat besar yang meliputi pelbagai tugas dan tanggungjawab. Tugas amil bermula dengan mendapatkan maklumat mengenai golongan-golongan asnaf dan menentukan bentuk keperluan yang diperlukan oleh mereka [1]. Kemudiannya, amil perlu mengira jumlah pembiayaan yang diperlukan tersebut sebelum agihan dilakukan. Satu perkara yang ditekankan ialah agihan zakat mesti dilakukan secara adil dan saksama. Hak-hak asnaf juga harus ditunaikan secepat mungkin tanpa diminta oleh mereka bagi memastikan kesejahteraan hidup mereka terbela.

Bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada asnaf terbahagi kepada beberapa kumpulan. Pertama, bagi golongan fakir yang mampu bekerja tetapi tidak mempunyai kekayaan. Kedua, bagi golongan berpendapatan rendah (miskin) dan ketiga, bagi golongan yang mempunyai hutang atas dasar kemasyarakatan. Seterusnya ialah golongan *ibnu sabil* dan yang terakhir ialah golongan badan dakwah bagi tujuan menyampaikan risalah Islam. Walaupun penumpuan bantuan lebih kepada golongan-golongan yang disebutkan di atas, namun dana zakat boleh diagihkan mengikut ijtihad pemerintah dan para ahli mesyuarat berdasarkan keperluan semasa sesuatu masyarakat [1]. Justeru, bentuk agihan zakat boleh dipelbagaikan dan memerlukan satu transformasi dilaksanakan dalam hal agihan zakat. Tambahan pula dalam dunia moden hari ini yang menyaksikan perkembangan pesat yang berlaku dalam pelbagai industri dan teknologi. Usaha ini setidak-tidaknya dapat mengubah tradisi golongan asnaf yang bertindak

sebagai penerima zakat kepada golongan pembayar zakat pada masa hadapan.

IV. AKHLAK DAN KOD ETIKA

Salah satu cabang di dalam tradisi ilmu Islam adalah akhlak. Istilah ini disebut di dalam kedua-dua sumber Al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Sebagai contoh, ia disabdakan oleh Rasulullah SAW melalui Hadis berikut:

"Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah orang yang paling baik akhlaknya dan orang yang terbaik di kalangan kamu ialah orang yang paling banyak berbuat baik kepada isterinya".

(Riwayat At-Tirmidzi, Ahmad dan Ibnu Hibban)

Dari segi pengertian, ilmuan Islam seperti Imam al-Ghazali dan Ibn Miskawayh memberikan takrifan masing-masing berkenaan istilah akhlak. Menurut Ibn Miskawayh, akhlak merupakan suatu hal ataupun situasi kejiwaan yang mendorong seseorang insan melakukan sesuatu perbuatan dengan senang tanpa berfikir dan perencanaan yang rapi [3]. Manakala Imam al-Ghazali pula memberi pengertian akhlak sebagai suatu kecenderungan yang mantap di dalam jiwa (*al-nafs*) manusia dan darinya segala perbuatan terhasil dengan mudah tanpa melibatkan daya pemikiran dan deliberasi. Daripada dua definisi ini, secara umumnya akhlak boleh difahami sebagai tindakan yang terhasil dari seseorang secara spontan dan tidak terancang di dalam setiap gerak laku kehidupannya.

Perbincangan mengenai etika pula dikatakan berasal dari tradisi keilmuan Barat dan telah bermula semenjak dari zaman silam. Jika disingkap berkenaan asal-usul istilah ini, ianya telah diiktiraf semenjak dari zaman sebelum kelahiran Aristotle pada tahun 384 sebelum masihi. Ketika itu masyarakat menggunakannya secara terasing dengan amalan beragama bagi membezakan antara perilaku baik dan buruk manusia [4]. Manakala kajian lain pula menyatakan bahawa kajian berkenaan etika merupakan tradisi silam yang berasal dari kepercayaan agama, kebudayaan dan falsafah [5].

Dari segi pengertian, pelbagai definisi diberikan oleh para sarjana berkenaan dengan istilah etika di pelbagai lapangan dan perbincangan. Etika didefinisikan sebagai set prinsip-prinsip moral yang

membezakan di antara yang baik dan buruk [6]. Pengertian yang seakan sama diberikan oleh Donnelly yang mentakrifkannya sebagai suatu set nilai, norma serta asas moral yang menentu dan membezakan sesuatu tindakan manusia itu sama ada betul atau salah, baik atau buruk [7]. Dari perspektif Islam, walaupun istilah ini dikatakan berasal dari Barat, namun ia sebenarnya merujuk kepada konsep yang memang telah wujud di dalam sumber kitab suci Al-Quran dan hadis Nabi SAW. Ini berdasarkan penegasan bahawa istilah yang paling dekat dengan etika menurut Al-Quran adalah *khuluq* [6]. Perkataan lain yang boleh dibandingkan dengan istilah etika adalah akhlak dan etika ditakrifkan secara ringkas sebagai “apa yang patut dan rasional [8]. Penekanan Islam berkenaan akhlak ini boleh dilihat melalui ayat Al-Quran:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

“Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia”. (Surah al-Qalam: 4)

Begitu juga banyak di dalam hadis Rasulullah SAW menyatakan perkara ini antaranya melalui hadis berikut:

"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."

(Riwayat Bukhari)

Daripada dua nas di atas jelas menunjukkan bahawa akhlak mendapat perhatian yang amat istimewa di dalam Islam. Walaupun hadis di atas tidak secara nyata menyebut istilah etika, namun akhlak adalah cabang ilmu yang paling hampir kaitannya dengan istilah tersebut sebagaimana yang telah dibincangkan. Sungguhpun begitu, penelitian ini bukanlah bertujuan membuat perbandingan yang setara di antara kedua-duanya. Ini adalah kerana, apa sahaja cabang ilmu menurut perspektif Islam perlu diimani oleh setiap Muslim sebagai sesuatu yang lahir dari Allah lebih-lebih lagi cabang ilmu yang mempunyai rujukan nas Al-Quran dan Hadis sedangkan etika adalah satu istilah yang dikatakan lahir dari dunia Barat. Justeru, secara umumnya perlu difahami di sini apabila individu Muslim telah benar-benar memahami dan menjiwai aspek akhlak di dalam setiap urusan kehidupannya, sudah tentulah setiap pekerjaannya akan menjadi sempurna dan indah walaupun dia masih belum mengetahui makna dan erti sebenar istilah etika.

Tuntutan untuk menjalankan kehidupan seharian secara beretika sememangnya telah menjadi pegangan masyarakat umum. Di samping itu, terdapat juga kumpulan-kumpulan yang lebih kecil dan berkongsi ciri-ciri sepunya (*common*) yang dikenali sebagai profesion dalam pelbagai bidang. Dari segi kewujudannya, kelahiran profesion-profesion ini adalah seiring dengan keperluan masyarakat terhadap perkhidmatan yang mampu ditawarkan oleh mereka [9]. Di dalam konteks sesebuah profesion atau organisasi, pelaksanaan kerja biasanya dipandu oleh prinsip atau tatacara umum yang lebih dikenali sebagai kod etika profesion atau organisasi tersebut. Dalam pernyataan yang ringkas, kod etika merujuk kepada ‘pernyataan falsafah organisasi’ [10]. Kod etika juga ditakrifkan sebagai sesuatu dokumen bertulis, tersendiri dan formal yang mengandungi standard moral yang memandu pekerja atau kelakuan organisasi [11]. Jika ditinjau dari segi kewujudan kod etika kerja atau profesion, pelbagai profesion dan organisasi di seluruh dunia telah mempunyai kod etika masing-masing termasuk di Malaysia.

Di peringkat antarabangsa, profesion berciri ikhtisas seperti akauntan telah mempunyai kod etika yang diiktiraf dan digunapakai pada peringkat antarabangsa iaitu *Code of Ethics for Professional Accountants* yang dikeluarkan oleh *International Federation of Accountants* (IFAC). Sebagaimana yang dinyatakan di dalam kod ini, penerbitannya adalah selari dengan misi IFAC iaitu menggalakkan akauntan profesional di seluruh dunia untuk mengamalkan etika yang baik dan berkualiti tinggi demi menjaga kepentingan awam sebagaimana yang digariskan di dalam perlembagaan badan ini. Perkembangan yang sama juga berlaku di dalam bidang guaman umpamanya Majlis peguam bagi negara England dan Wales yang mempunyai satu garis panduan profesion dan dinamakan dengan *A Guide to the Professional Conduct and Discipline of the Legal Profession*. Garis panduan ini secara dasarnya juga ingin menguatkuasakan aspek etika bagi pengamal profesion guaman di negara tersebut. Selain itu, terdapat juga kod etika yang mempunyai kuasa undang-undang sebagaimana yang digariskan oleh *Code of Ethics for Professional Accountant* (2008) yang dikeluarkan oleh CPA Australia, sebuah badan profesional di dalam bidang perakaunan, yang menyatakan bahawa terdapat peruntukan undang-undang di dalam *Corporations*

Act 2001 (Australia) bagi perkara yang bersangkutan dengan kerja pengauditan.

Di peringkat nasional pula, bidang seperti perakaunan dan perubatan juga mempunyai kod etika masing-masing seperti *Code of Ethics for the Practising Accountants* yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA) pada Ogos/September 2010. Manakala bagi bidang perubatan di Malaysia, ahli di dalam bidang ini perlu mematuhi *Code of Medical Ethics* yang dikeluarkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) pada tahun 2001. Secara keseluruhannya, kandungan kod-kod etika yang dinyatakan ini terbahagi kepada dua iaitu pernyataan prinsip-prinsip umum yang memandu perjalanan profesion seperti prinsip integriti, objektiviti, kecekapan profesional & ketelitian dan lain-lain yang dikeluarkan oleh MIA. Manakala bahagian yang lain pula memperincikan apa yang patut atau tidak di dalam menjalankan tugas selaku pengamal profesion sebagaimana kod yang diterbitkan oleh MMA. Sebagai contoh, kod ini secara khusus menyatakan bagaimana seorang doktor perlu bertindak dalam menghadapi pesakit yang menggunakan rawatan secara tradisional atau herba di samping rawatan perubatan secara konvensional.

Secara umumnya, kewujudan kod-kod etika kerja boleh dikaitkan dengan profesion-profesion berciri ikhtisas seperti doktor perubatan, arkitek, peguam, jurutera, akauntan dan seumpamanya yang mana mereka ini terlibat di dalam memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh ahli masyarakat. Sehubungan itu, sudah tentulah pengamal setiap profesion perlu menjalankan tugas tanpa menyalahi etika-etika kerja yang telah digariskan oleh profesion masing-masing demi menjaga kepentingan awam. Jika ditinjau dari segi tugas dan tanggungjawab seorang amil pula, ia sememangnya tidak memiliki ciri-ciri ikhtisas sebagaimana yang dimiliki oleh profesion ini namun tanggungjawab seorang amil juga sebenarnya melibatkan kepentingan kelompok individu yang besar iaitu asnaf zakat. Oleh itu, sifat mulia seperti jujur dan amanah amatlah ditagih di dalam melaksanakan tugas ini demi memastikan tidak berlaku perkara yang tidak diinginkan seperti kehilangan wang zakat dan sebagainya. Justeru, kewujudan kod etika kerja khusus untuk amil zakat dirasakan amat perlu supaya ianya nanti boleh memandu amil di dalam menjalankan tugas mengutip wang zakat.

Di samping itu, perkara ini juga penting ke arah meningkatkan profesionalisme kerjaya ini dan seterusnya mampu mengukuhkan fungsi dan kredibiliti institusi zakat. Atas dasar ini, kewujudan kod etika ini dirasakan amat relevan di dalam memberi panduan kepada amil-amil zakat agar sistem pengurusan wang zakat khususnya pungutan zakat boleh diperkemarkan dan wang kutipan zakat terhindar dari unsur-unsur penyelewengan dan sebagainya. Walaupun keperluan mengadakan kod etika sebegini boleh dipersoalkan dengan alasan bahawa Islam telah mempunyai tatacara serta prinsip akhlak yang lengkap mencangkupi segenap aspek kehidupan termasuk bidang pekerjaan, namun ianya bersifat umum manakala kertas ini cuba untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip tersebut dan mengintegrasikannya secara khusus di dalam bidang amil zakat. Justeru, usaha ini bukanlah bermaksud untuk membuat penambahan terhadap apa yang sudah lengkap tetapi lebih bersifat menggariskan etika kerja amil zakat dengan menjadikan prinsip-prinsip Islam sebagai teras penghasilannya. Apabila prinsip-prinsip Islam seperti ikhlas dan amanah diintegrasikan di dalam kod etika sebegini tambahan pula ianya dibuat secara formal dan bertulis, sudah tentulah ia akan menjadi panduan yang bersifat praktikal bagi seseorang amil di dalam menjalankan tugasnya sebagai amil zakat.

Secara teknikalnya, kertas kerja ini cuba mengintegrasikan aspek akhlak secara khusus kepada subjek perbincangan iaitu amil zakat tetapi dengan menggunakan istilah etika. Untuk itu, kertas kerja ini akan mencadangkan pembentukan kerangka bagi kod etika amil zakat yang terdiri dari dua bahagian, iaitu Prinsip Asas Kod Etika Amil Zakat (Bahagian I) dan Tatacara Kerja Amil Zakat (Bahagian II).

V. KOD ETIKA AMIL ZAKAT

Dengan matlamat ingin melahirkan amil zakat yang bebas dari unsur-unsur dan tingkah laku yang dianggap tidak berakhlak, maka kajian ini ingin mencadangkan prinsip asas di dalam pembentukan kerangka kod etika amil zakat beserta tatacara kerjanya. Lebih penting dari itu, ianya berhasrat untuk melahirkan amil yang beriman dan bertakwa kepada Allah dan seterusnya mengamalkan etika kerja dengan baik.

A. Objektif

Kod etika konvensional yang telah dibangunkan oleh kebanyakan badan profesional seperti IFAC, MMA, CPA Australia dan sebagainya telah menggariskan objektif utama pembentukannya adalah untuk memelihara kepentingan umum. Bagi penghasilan kod etika amil zakat, kajian ini mencadangkan agar objektif bagi kod tersebut perlu menggariskan unsur meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah sebagai objektif utamanya. Di samping itu, objektif sebagaimana dinyatakan oleh kod-kod konvensional ini juga perlu dikekalkan kerana ianya tidak bertentangan dengan ajaran Islam bahkan Islam menganjurkannya di dalam banyak perkara. Dari sudut amil zakat, ianya melibatkan kepentingan banyak pihak khususnya asnaf zakat yang terdiri dari lapan golongan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Al-Quran.

B. Prinsip – prinsip Asas

Dengan memasukkan prinsip-prinsip integriti, objektiviti, kecekapan kerja, kerahsiaan dan tingkah laku profesional sebagaimana yang digariskan oleh kod-kod etika konvensional, kajian ini mencadangkan juga beberapa prinsip berteraskan Islam. Prinsip-prinsip ini perlu diterapkan bagi membangunkan kod etika Islam yang berpandukan Al-Quran dan Hadis [12]. Prinsip yang dimaksudkan adalah iman, Islam, takwa dan ihsan. Oleh kerana kod etika ini berteraskan Islam, maka konsep-konsep ini perlu menjadi asas utama mengatasi prinsip-prinsip sebagaimana termaktub di dalam kod etika konvensional.

Secara ringkasnya, konsep-konsep tersebut dijelaskan sebagaimana berikut [8]:

- *Iman*

Dari segi bahasa bermaksud aman, yakni mempunyai keamanan. Perkataan yang sama dengan susunan tatabahasa berbeza juga boleh menghasilkan maksud “percaya” iaitu “percaya kepada Tuhan”. Dalam hal ini, Al-Quran telah menyatakan set kepercayaan yang mana seorang Islam perlu mempercayai akan keesaan tuhan, utusannya iaitu Rasul, hari akhirat dan konsep takdir. Dengan kata lain, mereka yang tidak meyakini (mengimani) akan hal ini tidak akan merasa aman pada dirinya dan juga pada

masyarakat. Ia merupakan perihal yang berkaitan dengan hati dan apabila hati telah mengimani akan perkara ini, seseorang itu dikira telah berada di dalam keadaan aman dan selamat. Di dalam Islam, iman juga bertindak sebagai tunjang kepada hidup dan matlamatnya kerana dengan imanlah manusia dihubungkan dengan Tuhan yang satu.

- *Islam*

Islam memberi maksud “selamat” dari sudut bahasa. Ia juga adalah terjemahan perlakuan kepada iman. Dari perkataan ini juga terbentuk istilah Muslim yang membawa maksud “yang melakukan penyerahan diri kepada Tuhan” melalui kepatuhan terhadap segala suruhanNya. Mengamalkan cara hidup Islam dan beriman merupakan sesuatu yang terjalin antara satu sama lain di mana individu yang mempunyai keimanan yang utuh semestinya terdorong untuk melakukan perkara kebaikan.

- *Takwa*

Dari sudut bahasa takwa bermaksud “untuk melindungi”, “untuk memelihara”. Ia juga bermaksud “untuk memelihara diri dari kemungkinan bahaya dan serangan”. Al-Quran menggunakan perkataan takwa di dalam konteks moral yang mana ia menggalakkan manusia supaya berjaga-jaga terhadap keruntuhan moral. Dalam hal ini, Al-Quran menggalakkan seseorang untuk menjauhi perkara yang dilarang dan meragukan. Walaupun ianya merupakan istilah yang membawa pengertian yang luas, namun fungsi utama takwa adalah untuk menyediakan seseorang dengan landasan yang betul di dalam menilai perkara yang betul di antara baik dan buruk.

- *Ihsan*

Dari sudut bahasa ia bermaksud “sesuai”, “indah”, “elok” dan “padan”. Konsep ini merupakan mercu tanda kepada bidang etika Islam. Intipati kepada ihsan adalah cinta kepada Tuhan. Seseorang yang melakukan sesuatu perkara dengan perasaan cinta (kepada Tuhan) akan menghasilkan natijah yang berbeza

berbanding seseorang yang melakukan sesuatu hanya semata-mata kerana ingin menyempurnakan tugas yang diberikan.

Manakala prinsip-prinsip kod etika konvensional yang diaplikasikan di dalam kod etika ini adalah seperti berikut:

A. *Integriti*

Prinsip ini bermaksud, di dalam melaksanakan tugas amil zakat seseorang itu perlu melaksanakannya secara jujur dan amanah sebagaimana yang diarahkan oleh mana-mana institusi zakat amil tersebut bertugas. Di dalam melaksanakan tugas ini juga, seseorang amil tidak boleh terlibat di dalam perkara-perkara berikut:

- Mengambil atau menggunakan kesemua atau sebahagian wang zakat yang dikutip dan tidak menyerahkannya kepada institusi zakat.
- Tidak melakukan kerja mengutip wang zakat tetapi sebaliknya meminta atau mengarahkan orang atau pihak lain melakukannya bagi pihak amil.
- Tidak menyediakan dokumen lengkap yang diperlukan untuk diserahkan bersama wang kutipan zakat kepada pihak institusi zakat.
- Menyembunyikan maklumat penting seperti kehilangan wang zakat akibat kecurian ataupun kecuaiannya di pihak amil zakat sendiri.

B. *Objektiviti*

Ia bermaksud mengelak dari berlaku tidak adil dan terlibat di dalam konflik kepentingan. Sebagai contoh, termasuk di dalam bidang tugas seorang amil ialah melakukan banci asnaf bagi tujuan pengagihan wang zakat. Bagi melaksanakan tugas ini, amil perlu mengelakkan diri dari berlaku tidak adil seperti lebih cenderung untuk membanci asnaf yang mempunyai tali kekeluargaan dengan amil.

C. *Kecekapan Kerja*

Amil zakat perlulah mempunyai ilmu asas berkaitan hukum dan jenis-jenis zakat. Selain itu, mereka juga perlu mengemaskini ilmu berkaitan zakat khususnya apabila terdapat fatwa-fatwa baru berkenaan zakat.

D. *Kerahsiaan*

Amil zakat perlu menjaga maklumat sulit berkenaan data zakat dan tidak sewenang-wenangnya mendedahkan maklumat tersebut kepada pihak lain kecuali diizinkan untuk berbuat demikian oleh pihak institusi zakat.

E. *Tingkah Laku Profesional*

Mematuhi segala enekmen ataupun mana-mana undang-undang di dalam negara di dalam melaksanakan tugas sebagai amil zakat dan tidak melibatkan diri di dalam apa-apa jua tindakan yang boleh menjejaskan nama baik amil zakat dan institusi zakat secara amnya.

VI. TATACARA KERJA AMIL ZAKAT

Bahagian ini secara khusus akan menggariskan tatacara ataupun tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh amil zakat. Untuk itu, bahagian ini akan menfokus kepada tanggungjawab amil berhubung dengan setiap pemegang kepentingan (*stakeholders*) zakat yang terdiri dari enam golongan. Oleh kerana kajian ini hanya mencadangkan kerangka bagi kod etika amil zakat, maka ia hanya menyenaraikan sub tajuk bagi perkara tersebut. Manakala perincian berkenaan tanggungjawab ini adalah bergantung kepada budibicara pihak institusi zakat memandangkan mereka adalah pihak yang amat mengetahui fungsi dan tanggungjawab khusus amil zakat. Pecahan tanggungjawab tersebut adalah:

1. Tanggungjawab amil terhadap institusi zakat
2. Tanggungjawab amil terhadap asnaf zakat
3. Tanggungjawab amil terhadap masyarakat
4. Tanggungjawab amil terhadap pemerintah (Sultan)
5. Tanggungjawab amil terhadap negara
6. Tanggungjawab amil terhadap pembayar zakat

VII. KESIMPULAN

Peranan dan tanggungjawab seorang amil dalam konteks institusi zakat moden kini menuntut agar mereka bekerja secara lebih proaktif dan profesional. Keadaan ini sebahagiannya disumbang oleh perkembangan ilmu serta hukum berkaitan zakat yang dari semasa ke semasa menyebabkan lahirnya fatwa-fatwa baru yang dikeluarkan majlis-majlis fatwa serta ilmunan di dalam bidang ini. Di samping itu, perubahan tatacara serta kaedah masyarakat umum bermuamalat juga menyumbang kepada hal ini. Dengan perkembangan dan kemajuan dunia korporat menyebabkan sebahagian institusi zakat kini turut mengambil langkah serupa demi meningkatkan fungsi dan martabat institusi zakat. Perkembangan ini menyebabkan amil dan institusi zakat juga tidak terlepas dari menghadapi isu-isu yang boleh menjejaskan fungsi dan kredibiliti mereka seperti isu penyelewengan, salah guna kuasa dan sebagainya. Justeru di dalam menghadapi isu dan cabaran ini, tahap profesionalisme amil zakat perlulah ditingkatkan agar tugas dan tanggungjawab mereka berkembang seiring dengan kemajuan di dalam institusi dan sistem pembayaran zakat. Atas dasar inilah maka kajian ini mencadangkan agar kod etika amil zakat diperkenalkan supaya ianya boleh memandu amil zakat melaksanakan tanggungjawab mereka secara lebih teratur dan mampu menghadapi isu-isu yang lebih mencabar kini.

Kod etika yang dicadangkan ini mempunyai dua bahagian utama, iaitu prinsip-prinsip asas dan tanggungjawab terhadap *stakeholders* zakat. Oleh kerana ianya merupakan kod etika berteraskan Islam, maka objektif utamanya adalah melahirkan amil yang beriman, bertakwa dan ikhlas bekerja kerana Allah S.W.T. Ini dilakukan dengan memasukkan prinsip iman, Islam, takwa dan ihsan ke dalamnya. Selain itu, kod ini juga mencadangkan agar tanggungjawab khusus amil terhadap *stakeholders* zakat juga diambil kira agar ianya menjadi panduan bagi amil untuk melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap golongan-golongan tersebut.

Cadangan ke arah pembentukan kod etika amil ini diharapkan mampu menjadi pencetus kepada peningkatan tahap profesionalisme bidang amil zakat dan seterusnya mengangkat martabat dan fungsi institusi zakat ke tingkat yang lebih tinggi.

RUJUKAN

- [1] Yusof Qardawi, Hukum zakat. (Salman Harun, Didin Hafidhuddin & Hasanuddin, Terjemahan, 10 ed.) Bogor: Pustaka Litera AntarNusa, 2007.
- [2] Aidit Ghazali, Fenomenon pembayaran zakat melalui saluran tidak rasmi - Satu analisis empirik. Di dalam Mohd Ali Hj. Baharum (Ed.), Zakat ditinjau dari perspektif sosial, undang-undang dan taksiran. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, 1989, pp. 1-27.
- [3] Mohd. Nasir Omar, Akhlak dan kaunseling Islam, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2005.
- [4] B. A. Christensen, "Ethics by definition," Journal of the American Society of CLU & ChFC, vol. 49, 1995, pp. 32.
- [5] P. V. Lewis, "Defining 'Business Ethics': Like nailing jello to a wall." Journal of Business Ethics, vol. 4, 1985, pp. 377-383.
- [6] R. I. Beekun, Islamic Business Ethics, Herndon, USA: The International Institute of Islamic Thought. 1996.
- [7] Nor Azzah Kamri, "Kefahaman dan sambutan terhadap kod etika Islam: Pengalaman Tabung Haji," Shariah Jurnal, vol. 16, 2008, pp. 145-162.
- [8] Ataulah Siddiqui, "Ethics in Islam: Key concepts and contemporary challenges," Journal of Moral Education, vol. 26, 1997, pp. 423-431.
- [9] R. F. Ponton and J. D. Duba, "The ACA code of ethics: Articulating counseling's professional covenant," Journal of Counseling and Development, vol. 87, 2009, pp. 117-121.
- [10] D. A. Fennell and D. C. Malloy, Codes of ethics in tourism: Practice, theory, synthesis. Channel View Publications, 2007.

- [11] M. S. Schwartz, "A code of ethics for corporate code of ethics," *Journal of Business Ethics*, vol. 41, 2002, pp. 27-43.
- [12] Fazlur Rahman, "Some key ethical concepts of the Qur'an," *Journal of Religious Ethics*, vol. 11, 1983, pp. 170-185.